



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Abdul Sukur Japri & Harun Baharudin. (2025). Perspektif guru sekolah rendah daerah Telupid, Sabah: Isu dan pendekatan simulasi lisan frasa bahasa Arab. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 23-51. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.2>

**PERSPEKTIF GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH
TELUPID, SABAH: ISU DAN PENDEKATAN SIMULASI
LISAN FRASA BAHASA ARAB**

*(Primary Schools Teachers' Perspectives in Telupid District, Sabah:
Issues and Approaches to Verbal Simulation of Arabic Phrases)*

¹Abdul Sukur Japri & ²Harun Baharudin

^{1&2}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

¹*Corresponding author: p117416@siswa.ukm.edu.my*

Received: 27/5/2024 Revised: 10/9/2024 Accepted: 9/2/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Pembelajaran simulasi lisan sama ada dalam bentuk simulasi perkataan, huruf atau frasa bahasa Arab merupakan pembelajaran yang sangat penting bermula seawal di peringkat sekolah rendah lagi. Simulasi lisan ataupun kemahiran bertutur perlu dikuasai oleh murid sebagai pelajar bahasa kedua seperti mata pelajaran bahasa Arab. Terdapat banyak masalah yang berlaku berkaitan isu kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan murid yang semakin membimbangkan. Justeru, kajian ini bertujuan meneroka isu yang berlaku berkaitan simulasi lisan frasa bahasa Arab dan membincangkan secara mendalam kaedah pengajaran simulasi lisan frasa bahasa Arab yang boleh diamalkan oleh guru khususnya di dalam bilik darjah. Kajian kualitatif dijalankan untuk pemerolehan data dengan menemu bual tiga orang responden yang terdiri daripada tiga orang guru ketua panitia bahasa Arab dari tiga buah sekolah rendah yang berlainan di daerah Telupid, Sabah.

Dapatan kajian mendapati dua isu berlaku iaitu isu umum dan isu khusus yang dikongsikan oleh responden dan tiga kaedah untuk merawat isu tersebut seperti simulasi audio penutur jati, sebutan suku kata dan *peer learning*. Kajian ini juga dapat membantu guru-guru untuk memastikan proses (PdP) berjalan dengan baik serta memberi idea kepelbagaian aktiviti pengajaran yang boleh dilakukan oleh guru. Sebagai kesimpulan, kajian ini penting untuk diteliti oleh guru bahasa Arab kerana hasil dapatan memberi cadangan aktiviti pengajaran yang terbaik dan boleh diaplikasikan oleh guru sekaligus mengatasi isu simulasi lisan frasa bahasa Arab yang berlaku dalam kalangan murid.

Kata kunci: Simulasi lisan, frasa bahasa arab, guru sekolah rendah, daerah Telupid, Sabah.

ABSTRACT

Learning verbal simulation, whether it be through the simulation of Arabic words, letters, or phrases, is crucial and should begin in primary school. Verbal simulation or speaking skills need to be mastered by students as second language learners, such as in Arabic subjects. Many problems occur related to the issue of Arabic-speaking skills among students that are becoming more and more worrying. Thus, this study aims to explore the issues that occur related to the verbal simulation of Arabic phrases and discuss in depth the teaching methods of oral simulation of Arabic phrases that can be practiced by teachers, especially in the classroom. A qualitative study was conducted for data acquisition by interviewing three respondents, consisting of three Arabic language panel head teachers from three different primary schools in Telupid district, Sabah. The findings of the study found that two issues namely general issues and specific issues that were shared by the respondents, and three methods were used to treat these issues, such as audio simulation of native speakers, pronunciation of syllables, and peer learning. This study can also help teachers to ensure that the process (PdP) runs well as well as give ideas on the variety of teaching activities that teachers can do. In conclusion, this study is important to be researched by Arabic teachers because the findings provide suggestions for the best teaching activities that can be applied by teachers at the same time to overcome the issues of verbal simulation of Arabic phrases that occur among students.

Keywords: Verbal simulation, Arabic phrases, primary school teacher, Telupid district, Sabah.

PENGENALAN

Bahasa Arab amat dihormati di Malaysia, sehingga ia ditawarkan sebagai satu mata pelajaran elektif di sekolah rendah. Di peringkat sekolah menengah, bahasa Arab bukan sahaja menjadi mata pelajaran teras dalam sekolah aliran agama tetapi juga mata pelajaran elektif di sekolah menengah kebangsaan dan beberapa institusi berprestasi tinggi seperti Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Kedudukan bahasa Arab semakin dianggap tinggi hingga menjadi kursus yang prestij, menarik pelajar yang meneruskan pengajian di peringkat Pengajian Tinggi, khususnya di universiti. Trend ini selaras dengan galakan dan peluang yang diberikan kepada pelajar untuk mempelajari bahasa asing, seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Menurut Gamal (2003), bahasa Arab bukan sahaja berperanan sebagai bahasa agama, tetapi juga sebagai bahasa dalam bidang pendidikan, budaya dan komunikasi dalam kalangan manusia di seluruh dunia. Dalam proses pembelajaran bahasa di peringkat sekolah, penekanan diberikan kepada empat kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Ismail et al., 2011). Penguasaan bertutur diletakkan sebagai prinsip kedua oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Arab. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015), kemahiran bertutur merangkumi kebolehan murid berkomunikasi dan menyampaikan idea serta maklumat melalui ekspresi, dengan memberi penekanan kepada tekanan suara yang betul dan intonasi yang sesuai. Penguasaan ini juga merupakan komponen penting dalam kurikulum bahasa (Luoma, 2004).

PERNYATAAN MASALAH

Kelemahan pelajar di Malaysia dalam penguasaan bahasa Arab, khususnya dalam kemahiran bertutur atau simulasi lisan, merupakan satu isu yang agak membimbangkan. Walaupun mereka mula mempelajari bahasa Arab sejak sekolah rendah, namun tahap penguasaan bahasa yang dicapai tidak memuaskan. Masalah pertuturan

yang lemah dalam simulasi cara penutur jati bertutur dianggap sebagai isu serius. Para pelajar diketahui kurang melibatkan diri dalam praktik kemahiran bertutur atau simulasi lisan sebenar dalam bahasa Arab di dalam dan di luar kelas seperti melangkah ke institusi pengajian tinggi (Ab. Halim, 2009). Ashinida (2012) juga menyatakan bahawa kekurangan bertutur dalam bahasa Arab adalah antara punca utama kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Sebuah kajian dijalankan yang memfokuskan masalah pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab mendapati pelajar berasa malu untuk bertutur dalam bahasa Arab (Mohd Salihin Hafizi et al., 2020). Hal ini kerana pelajar kekurangan kosa kata untuk dituturkan sehingga mengganggu kelancaran berkomunikasi seperti ketika menyampaikan tugasan (Nadwah & Nadhilah, 2014). Pelajar juga akan mengambil beberapa masa untuk berfikir terlebih dahulu untuk menterjemahkan dan menyusun ayat daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab sebelum dituturkan (Siti Salwa et al., 2021; lihat juga Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin, 2022; Tee Boon Chuan, 2023). Isu ini dilihat menjadi parah kerana bukan sahaja berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah dan sekolah menengah bahkan terjadi dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi. Pelajar berasa cemas ketika bertutur menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing yang dipelajari juga menjadi salah satu faktor kelemahan simulasi lisan murid. Horwitz et al. (1986) mengenal pasti bahawa pelajar bimbang kerana takut akan penilaian negatif dan takut membuat kesilapan. Kebanyakan mereka juga bimbang untuk bertutur atau mengutarakan pendapat di dalam bilik darjah (Badrasawi et al., 2020).

Isu simulasi lisan bahasa Arab dari segi bunyi vokal, sebutan fonem dan permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab banyak dikaji secara umum. Kajian yang mengenal pasti kesilapan sebutan bunyi vokal bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA telah dijalankan oleh Nur Afifah (2012). Menurutnya, antara kesilapan yang telah dilakukan pelajar ialah menukar kedudukan vokal sama ada vokal panjang mahupun vokal pendek, memanjangkan vokal pendek, memendekkan vokal panjang, menggugurkan dan menggantikan vokal dan lain-lain. Selain itu, wujud masalah dari segi kesilapan sebutan vokal bahasa Arab ketika membaca al-Qur'an seperti yang dikaji oleh (Mohd. Nasir, 2001). Antara faktor asas berlakunya kesilapan sebutan ini ialah gangguan bunyi Melayu dalam sebutan Arab (Mohd Azidan,

2004). Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh beliau terdapat tiga hubungan yang wujud dalam bentuk gangguan bunyi antaranya adalah bunyi yang serupa dalam bahasa Arab dengan bahasa Melayu sama ada dari segi daerah sebutan atau cara sebutan, bunyi yang hampir sama dengan hanya sedikit perbezaan dan bunyi yang berlainan sama sekali antara kedua-dua bahasa tersebut.

Oleh yang demikian, setiap masalah dan isu simulasi lisan tersebut perlu dirawat dengan mengetengahkan pelbagai kaedah pengajaran yang berkesan. Pelbagai kaedah yang dikenal pasti melalui kajian berkaitan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan guru j-qaf sekolah kebangsaan yang dijalankan oleh (Kamarulzaman Abdul Ghani & Saiful Nizam Sulaiman, 2019). Antaranya ialah guru-guru mengamalkan teknik soal jawab, teknik mendengar dan mengulang, prosa serta berdialog. Selain itu, perbincangan berkaitan aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab tidak sahaja terhad dalam pendidikan sekolah rendah, namun kaedah pengajaran tersebut juga diterokai dalam kalangan jurulatih debat bahasa Arab. Menurut Rosni Samah et al. (2013), antara pendekatan yang digunakan oleh jurulatih debat dalam aktiviti pengajaran bertutur bahasa Arab ialah pendekatan pengumpulan perkataan dan ayat, pendekatan pengukuhan dan pendekatan aplikasi.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau isu dan kaedah pengajaran melalui simulasi lisan frasa bahasa Arab yang berlaku dalam kalangan murid seawal peringkat sekolah rendah lagi supaya isu tersebut dapat diatasi dan tidak berpanjangan. Pemilihan tajuk kajian ini adalah kerana pengkaji menyedari banyak kajian telah dilakukan berkaitan simulasi lisan huruf, sebutan vokal, kemahiran bertutur bahasa Arab dan seumpamanya, namun wujud jurang kajian yang belum diambil tindakan, iaitu kemahiran bertutur dari segi frasa bahasa Arab itu sendiri. Disamping itu, kajian ini akan memberi manfaat umumnya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menggubal kurikulum dengan mengambil kira isu-isu pendidikan yang berlaku dan khususnya kepada murid sebagai pembelajar serta guru bahasa Arab selaku pelaksana kurikulum. Sehubungan itu, para guru daripada sekolah rendah di daerah Telupid, Sabah telah ditemu bual bagi mendapatkan data kajian. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu:

1. Meneroka sejauh mana isu yang terkait dengan simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah.

2. Mengenal pasti kaedah pengajaran yang berkesan untuk diaplikasikan oleh guru ketika menyampaikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) simulasi lisan frasa bahasa Arab di dalam bilik darjah.

Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan, terdapat dua persoalan yang dikaji dan dianalisis secara terperinci, iaitu:

1. Apakah isu yang berlaku berkaitan simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Telupid, Sabah?
2. Apakah kaedah yang sesuai untuk diaplikasi oleh guru bahasa Arab ketika mengajar simulasi lisan frasa bahasa Arab di dalam bilik darjah?

SOROTAN KAJIAN

Banyak kajian yang dijalankan berkisar dengan isu simulasi lisan dan kemahiran bertutur dalam pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua termasuklah bahasa Arab. Kajian lepas yang dilakukan memfokuskan bukan pada satu tahap akademik sahaja, malah kajian tersebut mensasarkan pelbagai peringkat pengajian bermula dari sekolah rendah sehingga pelajar di pengajian tinggi. Satu kajian berkaitan gangguan bunyi Melayu dalam sebutan Arab telah dijalankan oleh Mohd Azidan (2004) yang menjadi asas kepada permasalahan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan orang Malaysia. Kajian tersebut berbentuk satu analisis ringkas yang telah membuktikan pelbagai bentuk gangguan bunyi yang menyebabkan kesalahan sebutan huruf bahasa Arab. Hal ini menjadi asas kepada kesalahan-kesalahan pertuturan penutur bukan asli bahasa Arab ketika mengungkapkan huruf, perkataan dan frasa bahasa Arab.

Kajian kemahiran bertutur ini dimulakan dengan menangani punca masalah, iaitu kesilapan pelajar dalam menyebut huruf hijaiyyah. Satu kajian yang relevan dalam konteks ini ialah kajian Fadzliyah (2019), yang memfokuskan kepada kegagalan murid prasekolah mengingat dan mengenali huruf hijaiyyah dengan memberi penekanan kepada aplikasi “MulMed” untuk meningkatkan penguasaan bacaan huruf Hijaiyyah dalam kalangan murid prasekolah. Fadzliyah (2019) menunjukkan murid berjaya menguasai kemahiran mengenal huruf hijaiyyah dalam tempoh sebulan melalui penggunaan aplikasi

“MulMed”. Kajian ini memainkan peranan yang penting, kerana kemahiran mentafsir huruf hijaiyyah perlu dikuasai sejak awal prasekolah lagi. Kajian ini memberi sumbangan yang besar kepada pemahaman dan penyelesaian masalah ini para peringkat awal pendidikan.

Menurut Nurazan (2018), beberapa masalah penguasaan bertutur dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab antaranya lemah pengetahuan perbendaharaan kata bahasa Arab, kurang aplikasi praktikal, dan kurang keyakinan diri. Ketidakpuasan hati ini boleh diatasi dengan melaksanakan pelbagai teknik pengajaran seperti mewujudkan persekitaran yang kondusif di mana semua individu menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi lisan (Norfaezah, 2015). Ini kerana guru perlu menjadikan pengajaran lebih menarik dan merangsang motivasi pelajar, memandangkan satu kajian mendapati tahap motivasi pelajar di sekolah menengah agama terhadap pembelajaran Arab adalah sederhana (Kamarul et al., 2009). Pembentukan persekitaran bahasa Arab yang kondusif di bilik belajar oleh guru adalah penting untuk menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab. Ini kerana persekitaran bilik darjah turut memainkan peranan dalam mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran (Che Nidzam et al., 2010).

Kajian Siti Salwa et al. (2021) mengenai kemahiran bertutur bahasa Arab di luar kelas dalam kalangan penutur bukan asli bahasa Arab menunjukkan bahawa proses interaksi atau komunikasi di antara penutur bukan jati bahasa Arab agak terhalang oleh tahap kemampuan yang rendah dalam pertuturan bahasa Arab. Sebahagian besar pelajar didapati mengalami fasa pemikiran terlebih dahulu dalam bahasa Melayu sebelum dapat mengekspresikan dalam bahasa Arab. Keadaan ini menyebabkan kesinambungan maklum balas antara penutur agak lembap, dengan hasilnya komunikasi antara kedua-dua pihak tidak berjalan dengan lancar. Selain itu, data komunikasi murid dalam bahasa Arab di luar kelas menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah agak rendah ketika berkomunikasi di dalam asrama, di mana hanya 4 peratus sahaja yang sangat bersetuju untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Arab (Anuar, 2016). Penguasaan tertinggi diperoleh apabila murid berkomunikasi dengan diri sendiri

Selain itu, banyak kajian berkaitan kaedah pengajaran kemahiran berbahasa Arab telah dijalankan oleh pengkaji lepas. Misalnya kajian

Azrul dan Harun (2019) yang bertajuk amalan pedagogi jurulatih utama bahasa Arab dalam pengajaran kosa kata peringkat sekolah kebangsaan di negeri Melaka menjadi salah satu panduan yang boleh diaplikasikan oleh guru bahasa Arab. Ziyad dan Saini (2017) pula telah menyempurnakan kajian berkaitan aplikasi *Lughat al-Fasl* dalam pengajaran bahasa Arab yang mana sangat bertepatan dengan kemahiran bertutur di dalam bilik darjah. Di samping itu, strategi kemahiran bertutur bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran dari segi kaedah dan pendekatan ada disusun oleh Azhar et al., (2012). Kaedah tersebut termasuklah komunikasi yang berkesan oleh guru, penguasaan bahasa Arab guru, pemahaman guru terhadap konsep yang berhubung kait dengan strategi pengajaran dan pembelajaran serta kemampuan guru mempraktikkan bahasa Arab itu sendiri. Di samping itu, tiga pendekatan yang diperkenalkan oleh pengkaji adalah pendekatan bersepadu, induktif dan deduktif.

Berdasarkan kajian lepas didapati terdapat kelompondangan kajian yang boleh dipenuhi. Kebanyakan kajian tersebut memfokus berkaitan kemahiran bertutur bahasa Arab dari segi bunyi huruf, suku kata, kosa kata, perkataan-perkataan, bacaan, komunikasi (dialog), namun pengkaji tidak menemukan kajian berfokuskan kemahiran bertutur frasa-frasa Arab. Oleh sebab itu, kajian ini memusatkan simulasi lisan frasa Arab dengan cara penutur jati Arab bertutur. Di samping itu, kajian berkaitan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan murid-murid di negeri Sabah masih kurang dijalankan. Ada beberapa kajian dilakukan namun sasaran ataupun populasi kajian tertumpu kepada murid di kawasan bandar atau luar bandar dan bukan di kawasan pedalaman. Memandangkan pengkaji bertugas di kawasan pedalaman yang majoriti murid di sana bukan berbangsa Melayu tetapi mereka merupakan masyarakat Sabah yang berbangsa Sungai dan Dusun (Mangkaak). Pengkaji terpanggil untuk mengetahui lebih secara terperinci cara sebutan frasa Arab oleh murid tersebut dan kaedah terbaik yang akan dibincangkan bersama guru bahasa Arab melalui temu bual untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran simulasi bertutur frasa Arab di dalam bilik darjah.


KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini mengandungi dua pemboleh ubah, iaitu satu pemboleh ubah bersandar dan satu pemboleh ubah tak bersandar. Pemboleh ubah tak bersandar adalah isu yang berlaku

berkaitan simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah. Manakala pembolehubah bersandar pula ialah kaedah pengajaran yang boleh dilakukan oleh guru bahasa Arab untuk merawat isu-isu simulasi lisan frasa bahasa Arab yang telah berlaku. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian.

Rajah 1

Kerangka Konseptual Kajian



METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan untuk membolehkan responden menerangkan bagaimana, mengapa atau apa yang mereka fikirkan dan alami pada suatu masa tertentu atau pada sesuatu peristiwa yang berlaku (Tenny, et al. 2022). Pemilihan reka bentuk kajian kualitatif adalah memudahkan pengkaji untuk mencari data yang akan diperolehi melalui temu bual terhadap responden kajian dan kajian kepustakaan.

Strategi penyelidikan ini melibatkan kajian lapangan yang bertujuan untuk menyelidik dengan lebih terperinci isu berkaitan simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Tiga orang guru telah dipilih sebagai responden utama, dan mereka memegang jawatan sebagai Pengerusi Panitia Mata Pelajaran Bahasa Arab. Justifikasi pemilihan tiga orang guru tersebut adalah kerana pengkaji

mudah untuk berjumpa dengan responden disebabkan kedudukan sekolah yang tidak terletak di kawasan pedalaman. Sehubungan dengan itu, pengkaji menghadapi kesukaran untuk menemu bual guru bahasa Arab di sekolah pedalaman yang lain terutama dari segi akses ke sekolah tersebut dan keterbatasan waktu untuk menyempurnakan kajian ini. Setiap responden diberi kod tertentu untuk mengenal pasti peranan mereka dalam kajian. Responden pertama diberi kod PK01 dan merupakan Peserta Kajian Pertama yang mengajar di Sekolah Kebangsaan A (sekolah luar bandar). Responden kedua diberi kod PK02 dan merupakan Peserta Kajian Kedua dari Sekolah Kebangsaan B (sekolah luar bandar), manakala responden ketiga diberi kod PK03 dan merupakan Peserta Kajian Ketiga dari Sekolah Kebangsaan C yang terletak di Pekan Telupid. Pendekatan ini membolehkan penyelidikan holistik dan merangkumi pelbagai persepsi dan pengalaman guru bahasa Arab dari pelbagai latar belakang sekolah.

Pengkaji juga telah menyediakan dua bentuk instrumen kajian sebagai alat untuk memperoleh data, iaitu kaedah temu bual separa berstruktur dan kaedah kajian kepustakaan. Pemilihan kaedah temu bual separa berstruktur adalah untuk membenarkan responden kajian bercakap dengan bebas dan pengkaji boleh bertanya soalan-soalan tambahan kepada responden. Pengkaji akan merujuk banyak bahan bacaan sama ada bercetak atau elektronik seperti buku, jurnal kajian, artikel dan penulisan sarjana di internet sebagai pelaksanaan kepada kaedah kajian kepustakaan. Pengkaji menyediakan protokol temu bual yang mengandungi empat bahagian, iaitu bahagian A, B, C dan D.

Bahagian A: Merangkumi soalan untuk pembinaan *rapport* yang bertujuan mewujudkan suasana kemesraan profesional antara penyelidik dan para peserta.

Bahagian B: Merangkumi soalan pembuka yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti pengalaman mengajar, kelulusan akademik dan kelas mengajar.

Bahagian C: Merangkumi soalan *probing* isu yang merangkumi pengetahuan dan kefahaman berkaitan simulasi lisan frasa bahasa Arab.

Bahagian D: Merangkumi soalan penutup sebagai kesimpulan dan harapan.

Prosedur pemerolehan data melibatkan temu bual yang direkodkan secara audio menggunakan telefon bimbit, dengan persetujuan responden untuk tujuan ilmiah. Data yang diperolehi akan diolah dengan mentranskripsikan rekod audio kepada teks, dan proses analisis akan dilakukan menggunakan perisian ATLAS.ti. Pengkaji menggunakan perisian tersebut kerana ia lebih mudah untuk proses penganalisan data dari segi pengkodan perkataan dan istilah yang boleh dipetik secara langsung dari teks. Tambahan pula, pengkaji pernah mengikuti bengkel untuk menganalisis data kualitatif menggunakan perisian ATLAS.ti. Di samping itu, segala transkripsi dan analisis data akan disusun dan dilaporkan dalam format fail yang teratur berdasarkan kategori dan subkategori data dalam *file classification*. Pengkodan data akan dilakukan untuk membentuk tema dan subtema yang relevan.


DAPATAN KAJIAN

Maksud Simulasi Lisan

Simulasi merupakan satu aktiviti pemerolehan pengalaman oleh murid melalui aktiviti bertutur (Marilyn & William, 1996). Melalui aktiviti ini juga guru mempunyai peranan yang sangat penting sebagai penerang dan pembimbing yang akan memberikan penerangan serta bimbingan terlebih dahulu kepada murid sebelum mereka melaksanakannya (Bruce & Marsha, 1986). Rajah 2 menggambarkan makna simulasi lisan berdasarkan persepsi responden dalam kajian ini.

Rajah 2

Maksud Simulasi Lisan



Sumber: Temu bual yang dijalankan terhadap responden.

Mendengar dan Menyebut (Mengajuk)

Simulasi (ajukan) lisan merupakan aktiviti pertama yang terkandung di dalam standard pembelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Arab tahun 1. Kemampuan mengajuk suara atau bunyi huruf yang didengar dan mengulangnya, menyebutnya dengan sebutan yang betul merupakan keterangan di dalam standard pembelajaran tersebut. Berikut antara petikan temu bual daripada responden:

“Ya okey contohnya macam perkataan macam contohlah tahun satu okey tahun satu bahasa Arab dia mengenal huruf kan huruf huruf hijaiyyah huruf Alif sampai Ya. Jadi setiap tajuk ataupun setiap sub topik tu bermula dari huruf Alif okey kita akan sebut hurufnya dulu. Alif kemudian berserta dia punya barisnya baris fathah A baris kasrah E guru sebut dahululah dan murid akan ikut begitu”, PK01.

“So saya faham tentang simulasi lisan ialah murid dengar perkataan yang kita sebut. Kemudian dia ajuk perkataan yang sama. Sebagai contohnya kan, guru menyebut apa ni er sesebuah perkataan seperti al-masjid dengan sebutan yang fasih, lalu meminta murid untuk menyebut perkataan al-masjid persis sebutan yang diungkapkan oleh guru”, PK02.

“...meminta murid untuk mengajuk semula apa yang kita sebut ataupun apa yang didengar dari kita lah”, PK03.

“...dan simulasi lisan ni lebih kepada kiranya hak lebih kepada murid dengar dulu, murid dengar apa yang kita sebut and then murid ulang”, PK03.

Isu Simulasi Lisan Frasa Bahasa Arab

Dapatan kajian ini menjawab persoalan yang pertama bagi kajian ini iaitu ‘Apakah isu yang berlaku berkaitan simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Telupid, Sabah?’

Isu Umum

Tema pertama dalam kajian ini, iaitu isu umum mempunyai dua sub tema lainnya, iaitu tahap penguasaan secara umum dan kemahiran asas murid. Kesemua responden kajian pada awalnya menyatakan pandangan tentang tahap penguasaan simulasi lisan murid mereka. Berikut adalah petikan temu bual peserta kajian yang merujuk kepada kenyataan ini.

i. Tahap Penguasaan Secara Umum

*“Okey untuk di sekolah saya di SK Ulu Sapi **tahap penguasaan** simulasi lisan ni ada beberapa kategori ...”, PK01.*

*“**Tahap penguasaan** simulasi lisan bagi bahasa Arab di sekolah saya ...”, PK02.*

*“Okey, **tahap penguasaan**, kalau tahap penguasaan murid untuk muhakkah untuk simulasi lisan ...”, PK03.*

Tahap Penguasaan Simulasi Lisan

Tahap penguasaan secara umum adalah tahap penguasaan simulasi lisan (koding) atau kemahiran bertutur dalam kalangan murid yang dikongsikan oleh peserta kajian, iaitu kebanyakannya masih berada pada tahap penguasaan yang sederhana dan rendah. Hanya PK03 sahaja yang mengatakan terdapat murid beliau yang mencapai tahap penguasaan tinggi dalam standard pembelajaran simulasi. Walaupun begitu, tahap penguasaan murid beliau bagi kemahiran bertutur frasa bahasa Arab tanpa simulasi masih pada tahap yang rendah.

*“...ada juga di **tahap yang sederhana** dan ada juga di **tahap yang lemah**”, PK01.*

*“Jadi kalau kebanyakan murid tahap satu tahun 123 kalau di sini agak **penguasaannya agak kurangnya**”, PK01.*

*“**Tahap penguasaan simulasi lisan** bagi bahasa Arab di sekolah saya berada di **tahap yang sederhana** dan*

masih lemah juga. Mereka masih memerlukan bimbingan untuk lebih baik”, PK02.

*“...dalam **peringkat yang sederhana**. Sederhana untuk err averagelah, average purata untuk semua murid adalah berada pada peringkat sederhana. Tetapi untuk murid yang memang aa berkemahiran dalam bahasa Arab muhakkah murid-murid ni **lebih tinggilah**”, PK03.*

*“...secara purata untuk kemahiran bertutur ni masih lagi berada **pada tahap yang rendah**”, PK03.*

Kemahiran Asas Murid

Selain itu, peserta kajian juga menyatakan beberapa perkara tentang kemahiran asas murid (koding). Namun begitu, kategori ini hanya ditemui ketika temu bual bersama PK01 sahaja yang berkongsi tentang kemahiran asas yang belum dikuasai oleh murid sehingga menyebabkan tahap penguasaan simulasi lisan mereka masih berada di tahap yang sederhana dan lemah. Kata beliau:

*“Okey sekarang ni apa yang saya nampak lihat isu sekarang ni ialah murid. Murid sebenarnya murid ni dia tidak ada **basic kemahiran** mengenal huruf hijaiyyah kalau dia tahap satu, benda ni memang jelas”, PK01.*

“Kalau seorang murid dia tidak menguasai huruf hijaiyyah betul memang dia akan ada masalah untuk mengingat huruf apabila guru mengajar dalam kelas. Kan apabila kita tanya ini huruf apa dia tidak boleh jawab. Tapi bila kita sebut ah, dia teringat maksudnya di situ dia punya basic masih lagi tidak mantaplah”, PK01.

Kemahiran asas yang dimaksudkan oleh PK01 adalah kemahiran mengenal huruf hijaiyyah sama ada dari segi nama ataupun bunyi huruf-huruf tersebut. Jika kemahiran ini masih belum dikuasai maka kemahiran bertutur juga sukar dikuasai oleh murid.

Isu Khusus

Tema kedua, iaitu isu khusus. Daripada tema tersebut pengkaji turut berjaya mencungkil tiga sub tema, iaitu persekitaran keluarga, persekitaran sekolah dan penggunaan bahasa Arab. Melalui tiga

sub tema ini pengkaji telah mengkategorikan (koding) beberapa aspek seperti latar belakang keluarga, pentabiatan luar bilik darjah, pengajaran guru, motivasi murid, sokongan sekolah, kurang pendedahan bahasa Arab dan bacaan al-Quran.

i. Persekitaran Keluarga

Latar Belakang Keluarga

Kesemua responden kajian berkongsi tentang persekitaran keluarga murid-murid yang sememangnya menjadi faktor dan penentuan terhadap penguasaan kemahiran bertutur murid. Tidak dinafikan ibu bapa merupakan individu penting dan paling lama bersama dengan murid terutamanya ketika berada di rumah dan sewaktu cuti sekolah. Peranan ibu bapa perlulah menjadi contoh terbaik kepada anak supaya mereka mampu ikut dan menunjukkan minat terhadap pembelajaran. Apabila murid tinggal dengan latar belakang keluarga yang tidak membantu kepada pembelajaran murid, maka tahap penguasaan mereka akan terjejas.

“...murid ni kurang menguasai pengetahuan asas dalam bahasa arab ialah puncanya mungkin dari er dari inilah dari mungkin dari background mereka lah dari keluarga tu sendiri”, PK01.

“...er menurut saya isu kekeluargaan ada juga memainkan peranan”, PK02.

“In term of family background, in term of background sekolah dan sebagainya, itulah isu yang paling utama”, PK03.

“Bila saya tengok kan background latar belakang keluarga di sini, ramai bercampur bah ada yang ibunya Indonesia, ada bapa ada yang dari dia macam sini kan kawasan kawasan apa sawit estate kan sini kan kawasan sawit jadi ramai yang bekerja yang dari Indonesia ada pekerja yang dari negara lain”, PK01.

“Tapi kalau saya tengok kan macam ada yang ibu dia murid anak dia Islam tapi kadang ibu yang ambil anaknya tu kita dah pakai tudung masih lagi berseluar

pendek begitu. Kita boleh kita secara tidak langsung kita boleh nilai lah ...”, PK01

“...kebanyakan ibu bapa lebih memfokuskan pendidikan anak-anak kepada subjek-subjek sains seperti matematik dan sains, bahasa Arab ni macam kurang sikit la”, PK02.

“...murid yang duduk dalam estate, saya tanya tidak ada kelas mengaji dengan bapa pun tidak dengan mama pun tidak begitulah”, PK01.

“...ada murid yang punya penguasaan yang baik, sebab memang dapat galakan daripada ibu bapa contohnya ibunya juga ustazah jadi dia diajar juga di rumah”, PK02.

“...pendidikan err ibu bapa sendiri in term of Arabic ni kurang, jadi err anak-anak tu pun ibu bapa tak dapat nak membantu murid”, PK03.

Melalui petikan temu bual ini dapat difahami bahawa guru mengenal pasti latar belakang murid yang berbeza dengan pencapaian mahupun tahap penguasaan terhadap simulasi lisan juga berbeza. Ibu bapa yang bekerja dan tidak mewujudkan suasana pembelajaran bahasa Arab di rumah seperti mengaji serta penampilan berpakaian yang tidak baik sudah pasti memberikan gambaran yang negatif kepada guru. Guru cuba menghubungkan isu tersebut dengan pencapaian akademik anak murid mereka.

Pentabiatan Luar Bilik Darjah

Responden kajian juga bersetuju dan mempunyai pendapat yang sama bahawa tidak ada pentabiatan ataupun praktikal di luar bilik darjah juga merupakan salah satu isu simulasi lisan frasa Arab ini. Kemahiran bertutur yang telah dipelajari oleh murid tidak diteruskan di luar bilik darjah seperti menuturkan frasa-frasa bahasa Arab ketika di rumah, berjumpa dengan rakan-rakan dan seumpamanya. Akibatnya, pemerolehan cara bertutur sukar dikuasai kerana tidak ada pentabiatan yang berterusan. Berikut antara dialog yang dinyatakan oleh PK01 dan PK02.

“...dia orang tidak ada pentabiatan, tiada amalan di rumah. Tidak diamalkan. Dia hanya di sekolah sajalah”, PK01.

“...murid-murid juga tidak mempraktikkan apa yang mereka telah belajar di sekolah ketika berada di luar. Perkara ini menyebabkan mereka lupa cara untuk menuturkan kalimah-kalimah bahasa Arab.”, PK02.

“...dan yang second luar kelas”, membudayakan murid, untuk dia praktikkan er perkataan-perkataan Arab tu er bila dia berjumpa dengan guru”, PK03.

ii. Persekitaran Sekolah

Persekitaran sekolah ini diperoleh hasil daripada temu bual bersama PK03 sahaja ketika responden menerangkannya dengan terperinci. PK01 dan PK02 tidak menyatakan sebarang perkongsian tentang isu-isu yang berlaku di persekitaran sekolah. Berikut merupakan antara petikan temu bual bersama PK03:

“Lepastu environment sekolah lah”, “... environment sekolah, environment sekolah ni pulak adalah gurulah”, PK03.

Pengajaran Guru

Menurut peserta kajian ketiga pengajaran guru adalah sangat penting untuk pencapaian objektif Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Guru sebagai monitor dan pembimbing perlu mahir dan bersemangat ketika melaksanakan simulasi lisan frasa bahasa Arab dengan sebutan yang fasih dan tepat supaya murid mampu mengajuk dengan betul.

“...paling utama, perlu kepada guru. Jadi kalau guru pun, aa mengambil rendah, ataupun mengambil mudah untuk aa menggunakan lughatul fasl dalam bahasa, lughatul fasl bahasa Arab dekat sekolah, jadi benda ni, lagilah sangat, macam lagilah susahlah untuk kita tengok murid ni menguasai kemahiran bertutur.”, PK03.

“...mungkin bila dia tengok murid tu, penguasaan murid pada bahasa Arab tu rendah, jadi dia akan rasa quite challenging lah, agak mencabar untuk dia menggunakan bahasa Arab, aa ataupun untuk dia mempraktikkan lughatul fasl.”, PK03.

Motivasi Murid

PK03 juga berpendapat bahawa murid tidak mempunyai motivasi untuk belajar subjek bahasa Arab dan antara faktor utama berlakunya isu ini ialah murid tidak ada persekitaran yang menyokong. Menurut PK03 juga, ada murid yang malu dan kurang yakin untuk bertutur bahasa Arab kerana takut akan sebutan yang salah. Tambahan pula, motivasi guru kepada murid juga diperlukan untuk memberi suntikan dan galakan kepada murid-murid supaya terus bersemangat mempelajari bahasa Arab. Berikut beberapa petikan daripada temu bual bersama PK03:

“Sebab kadang-kadang murid ni dia tak ada motivasi, dia tak ada motivasi untuk belajar, dia tak ada motivasi untuk bercakap bila takdanya environment yang menyokong.”, PK03.

“...masalah malu, jadi dia tak ada confidence untuk pronounce untuk sebut aa maybe sebab kalau dia rasa dia punya pronunciation tu tak betul.”, PK03.

“...bila guru mencabar diri untuk menggunakan lughatul fasl, secara tidak murid ni dia akan terbiasa untuk mendengar. Jadi bila murid biasa dengar, insyaAllah lah daripada kosong tu akan ada jugak peningkatkan”, PK03.

“...kita sebut saja kita create kan dengan kita punya pergerakan gaya badan, gaya tangan supaya budak akan rasa benda tu lebih enjoy aa so once dia orang dah dapat ikut, insyaAllahlah dia orang akan dapat terima bahasa Arab”, PK03.

“...untuk guru adalah kita akan lebih keep motivate, bermotivasi, untuk bagi sesuatu yang, sesuatu yang baik dan lebih baik lah kepada murid.”, PK03.

Sokongan Sekolah

Tema asas berikutnya daripada perkongsian PK03 ialah sokongan daripada sekolah kepada murid yang mempelajari bahasa Arab khususnya di sekolah beliau yang mempunyai bilangan murid Islam sedikit dan minoriti. PK03 menegaskan perlunya sokongan daripada sekolah untuk menghidupkan persekitaran bahasa Arab di sekolah supaya murid merasa kehadiran subjek bahasa Arab benar wujud dan

diangkat di sekolah mereka sekaligus memberikan semangat untuk terus mempelajarinya, kata PK03:

“...that’s why lah kenapa diperlukan support system in term of sekolah...”, PK03.

“...in term of sekolah, kita adakan program-program yang Bahasa Arab macam ‘Kalam Arabi’, ‘Syarahan Bahasa Arab’, ‘Pidato Bahasa Arab’, ‘Bercerita Bahasa Arab’, jadi secara tak langsung benda ni akan mencabar murid untuk aa dia orang take partlah, untuk dia orang ikut serta...”, PK03.

iii. Penggunaan Bahasa Arab

Kurang Pendedahan Bahasa Arab

Tema asas untuk sub tema yang keempat ialah kurangnya pendedahan bahasa Arab. Responden kajian menyatakan bahawa murid di kawasan mereka kurang mendapat akses pendidikan bahasa Arab di luar bilik darjah seperti kelas mengaji al-Qur’an. Pendidikan bahasa Arab hanya diperoleh sewaktu di sekolah sahaja tidak seperti di kawasan lain yang banyak menyediakan kelas tambahan mengaji, kelas KAFA dan kelas bahasa Arab.

“...murid tahun satu okey murid tahun satu sebelum dia masuk tahun satu mungkin ada yang masuk tadika, ada juga yang tidak masuk tadika jadi dia orang kurang pendedahan lah begitu kurang pendedahan dengan bahasa Arab.”, PK01.

“...pendapat saya secara personal, aa obvious sekali isu sometimes tu dia datang daripada environment, Sebabnya, murid dekat Telupid ni, dia punya environment aa support system kepada bahasa Arab tu sangat kurang.”, PK03.

Responden juga berkongsi tentang murid-murid yang tidak pernah mendengar ucapan asas yang dituturkan menggunakan bahasa Arab, kata beliau:

“dia orang tidak pernah dengar perkataan perkataan yang basic la ucapan-ucapan yang basic kecuali “assalamualaikum”, PK01.

“...memang er persekitaran arab ni tidak ada. Sebab mereka tidak pun mengaji, di tv pun tidak tengok cerita arab kan, radio pun tiada dengar slot-slot bahasa Arab”, PK02.

Bacaan al-Qur'an

Tema asas ataupun koding seterusnya ialah berkaitan pembacaan al-Qur'an. Pada umumnya bahasa Arab ialah bahasa al-Qur'an. Sesiapa yang mahir membaca al-Qur'an terutama dari segi sebutan makhraj huruf (tempat keluar huruf) dan hukum tajwid semestinya mampu membaca tulisan bahasa Arab dan boleh menuturkan frasa-frasa Arab dengan baik.

“...murid murid di sini secara kebanyakannya kurang terdedah lah dengan kelas-kelas al-Quran”, PK01.

“...ramai yang tiada al-Quran dan ramai yang tiada iqra' begitu. Jadi di situ saya boleh agak sudah dia punya tahap memang lemah lah begitu”, PK01.

“...murid bertutur dalam bahasa Arab atau mengaji tetapi ada bunyi loghat dusun. Makna dia sebut sesuatu perkataan itu er ada bunyi yang terpengaruh dengan bahasa lain. Murid-murid ini dia tidak dapat sebut dengan makhraj yang betul lah”, PK02.

Dapat difahami melalui perkongsian responden kajian bahawa kurang pendedahan bahasa Arab dan bacaan al-Qur'an yang tidak fasih turut menyumbang kepada isu kemahiran bertutur murid. Pertuturan frasa bahasa Arab dipengaruhi dengan bunyi bahasa ibunda, iaitu bahasa Dusun yang lebih kerap dipertuturkan oleh murid terutamanya ketika berada di rumah berbanding dengan bahasa Arab. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Deni (2021), bahasa ibunda diperoleh di mana-mana sahaja dalam lingkungan rumah dan masyarakat. Menurut Faridah Nazir (2023), unsur kelainan bunyi dan unsur dialek merupakan pengaruh bahasa ibunda yang ketara dalam pertuturan bahasa kedua murid.

Kaedah Pengajaran Simulasi Lisan Frasa Bahasa Arab

Terdapat beberapa kaedah yang boleh diaplikasikan oleh guru untuk membantu murid mensimulasi dan mengajuk huruf mahupun perkataan

yang disebut oleh guru atau didengar oleh murid. Kemampuan ini perlu dikuasai sebaiknya bermula daripada sekolah rendah lagi kerana apabila murid berada di sekolah menengah mereka sudah mampu berkomunikasi atau berdialog dalam bahasa Arab dengan intonasi serta sebutan arab yang betul.

Simulasi Audio Arab Atau Penutur Jati Bahasa Arab

Kemajuan teknologi yang pesat pada masa ini telah meningkatkan penggunaan teknologi dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pendidikan. Hal ini kerana, penggunaan tersebut mampu membantu guru untuk melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan lancar (Noradilah & Lai, 2019). Menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim (2007), pelbagai cadangan diberikan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, iaitu dengan aplikasi kaedah multimedia dalam pendidikan yang mengintegrasikan teks, kesan bunyi, vokal, muzik, animasi, video serta perisian komputer yang interaktif. Sebagai contoh, guru boleh memainkan audio penutur jati bahasa Arab, iaitu orang arab sendiri seperti video dari *you tube*, kartun yang menggunakan audio arab dan seumpamanya. Guru hendaklah memainkan terlebih dahulu audio tersebut, kemudian guru mengulangi sebutan yang ditunjukkan dan diikuti oleh murid. Guru perlu memainkan semula audio tersebut beberapa kali jika murid melakukan kesalahan simulasi lisan dan meminta mereka mensimulasi lisan sehingga betul.

Menjadi satu kelebihan bagi guru yang melanjutkan pengajian di negara Arab kerana mereka dapat menjalin banyak persahabatan dengan masyarakat berbangsa Arab yang boleh dijadikan rujukan pada bila-bila masa. Fakta ini semakin terserlah berdasarkan pengakuan dalam Laporan Longview (2008), yang menekankan nilai pengalaman pembelajaran di luar negara. Program pendidikan yang inovatif dapat memastikan bahawa pelajar yang sedang bersiap sedia menjadi guru mempunyai peluang untuk mengalami konteks antarabangsa. Melalui pengalaman ini dan hubungan yang terbina, guru memiliki akses kepada rakan mereka untuk mendapatkan contoh simulasi lisan yang tepat untuk sesuatu perkataan dalam bahasa Arab. Contohnya, guru boleh meminta rakan mereka untuk menyediakan rakaman suara yang menyebutkan perkataan tertentu, dan guru dapat memanfaatkan rakaman tersebut sebagai bahan bantu mengajar di dalam bilik kelas.

Pendekatan ini dapat memberikan pengalaman praktikal kepada murid dalam memahami dan melatih kemahiran simulasi lisan dalam pengajaran bahasa Arab.

Sebutan Suku Kata

Bagi peringkat sekolah rendah, pembelajaran perkataan baharu sangat banyak diajar kepada murid. Pada waktu ini, guru boleh mengajar murid menyebut satu perkataan dengan potongan setiap suku kata. Guru perlu menggabungkan bunyi-bunyi untuk membentuk suku kata dan seterusnya menyebut sebuah perkataan lengkap. Menurut Kamarudin (1988), menggabungkan bunyi-bunyi untuk membentuk suku kata kemudian mengenal rangkai kata, ayat dan membaca merupakan antara peringkat untuk belajar sebutan suku kata.

Sebutan yang betul perlu ditunjukkan oleh guru dengan gaya mulut ketika menyebut suku kata tersebut seperti bibir atas dan bawah tertutup, mulut dibuka, muncungkan bibir dan sebagainya. Contohnya ialah perkataan masjid. Masjid di dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-masjidu* dengan empat suku kata, iaitu *al / mas / ji / du*. Guru perlu memisahkan empat suku kata tersebut dan melakukan simulasi lisan bagi setiap suku kata dan diikuti oleh murid sebagai tindakan mengajuk. Kaedah menyebut satu persatu suku kata tersebut lebih baik berbanding menyebut satu perkataan sekaligus.

Selain itu, guru juga boleh menulis setiap suku kata pada potongan kad. Guru menyebut satu per satu kad tersebut dengan sebutan yang jelas dan betul. Kaedah ini dipersetujui oleh Juriah Long (1994), beliau berpendapat perkataan diperkenalkan kepada murid dengan menggunakan kad perkataan. Semasa kad diimbasi, murid-murid menyebut perkataan itu beberapa kali setelah diberi tunjuk ajar cara menyebutnya oleh guru.

Peer Learning

Peer learning ataupun pembelajaran bersama rakan sebaya merupakan salah satu strategi yang terdapat dalam konsep pembelajaran sendiri. Pembelajaran sendiri ditakrifkan sebagai satu proses pembelajaran yang berasaskan pelajar. Pembelajaran sendiri mendorong pelajar untuk mendapat pencapaian yang tinggi dalam akademik, di samping kurikulum yang disusun dengan baik turut menunjukkan

natijah yang sama (al-Alwan, 2008). Kajian daripada Lynch (2006); Yoshida (2008) mendapati bahawa proses komunikasi bahasa Arab yang berlaku semasa belajar bersama rakan sebaya dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman dan memberi gambaran yang jelas terhadap kursus yang mungkin tidak didapati jika belajar sendiri.

Dalam hal ini, guru boleh memilih murid yang sudah biasa menyebut perkataan bahasa Arab untuk menjadi *role-model* kepada rakan sekelas yang lain. Kebiasaannya di dalam kelas terdapat beberapa orang murid yang mahir atau pandai mengajuk bahasa lain. Pilih murid tersebut untuk melakukan simulasi lisan dan diikuti oleh rakan sekelas yang lain supaya pengajaran berorientasikan murid dapat juga dilakukan oleh guru di dalam bilik darjah. Tambahan pula, pembelajaran berpusatkan murid memberi pengalaman yang banyak kepada mereka dalam proses (PdP). Menurut Kumar (2016), pembelajaran berpusatkan murid memberi peluang kepada murid untuk bercakap serta mendengar secara bermakna, menulis, membaca isi kandungan dan idea.

Rumusannya, terdapat tiga kaedah yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam PdP simulasi lisan bagi subjek bahasa Arab. Kepentingan murid menyebut perkataan di dalam bahasa Arab bermula dari bangku sekolah rendah lagi adalah sangat penting. Hal ini kerana, kita mahukan murid sekolah menengah sudah mampu bertutur dengan baik dan bukannya masih bertatih untuk menyebut perkataan sedangkan sepatutnya mereka akan mempelajari morfologi dan tatabahasa arab dengan mendalam di peringkat sekolah menengah.

KESIMPULAN

Isu-isu yang berkaitan dengan simulasi lisan frasa dalam mata pelajaran bahasa Arab memang melibatkan pelbagai aspek. Walau bagaimanapun, kepelbagaian isu tersebut berbeza bergantung kepada beberapa faktor seperti kawasan geografi, latar belakang penutur, struktur keluarga, faktor sosial, dan faktor lain. Peserta kajian telah menyuarkan beberapa isu berkaitan simulasi lisan frasa bahasa Arab yang sering dihadapi oleh murid mereka. Meskipun terdapat persamaan antara isu yang telah dikongsikan oleh responden kajian, beberapa perbezaan dalam isu tersebut turut tercatat.

Analisis data temu bual menunjukkan terdapat dua tema menyeluruh yang muncul berkaitan isu simulasi lisan frasa bahasa Arab yang berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Telupid, Sabah, iaitu isu umum dan isu khusus. Daripada kedua tema menyeluruh tersebut, kajian ini menghubungkan empat tema tersusun (sub tema) dan sembilan tema asas yang terhasil daripada koding transkrip temu bual seperti yang telah dinyatakan dalam dapatan kajian. Secara keseluruhannya, ketiga responden mempunyai pengetahuan mengenai maksud ataupun konsep simulasi lisan. Mereka menghuraikan dan menafsirkannya mengikut pandangan masing-masing.

Perbincangan utama yang dapat dinyatakan berkaitan tahap penguasaan murid ialah terdapat perbezaan ketara mengenai tahap penguasaan simulasi lisan frasa bahasa Arab mengikut lokaliti, iaitu antara murid yang bersekolah di kawasan pekan dan murid di luar bandar. Hanya PK03 sahaja yang ada berkongsi kepada pengkaji tentang tahap penguasaan tinggi mampu dicapai oleh murid yang sudah mahir, sedangkan PK01 dan PK02 hanya menyatakan dua tahap penguasaan murid, iaitu sederhana dan lemah sahaja. Berkaitan dengan isu-isu yang berjaya dikumpul oleh pengkaji pula ialah kesemua responden menyatakan pandangan yang sama dan selari antaranya isu-isu seperti isu persekitaran keluarga dan isu persekitaran bahasa Arab. Terdapat satu isu yang hanya dikongsikan oleh PK03 sahaja, iaitu isu persekitaran sekolah yang dibahagikan kepada tema asas, iaitu pengajaran guru, motivasi murid dan sokongan sekolah. Walau bagaimanapun, ada beberapa kategori isu yang tidak dikongsikan oleh PK03 sebaliknya pengkaji memperoleh data tersebut daripada PK01 dan PK02 sahaja, iaitu bacaan al-Qur'an murid yang terkandung di dalam isu persekitaran bahasa Arab. Dapat disimpulkan bahawa PK01 dan PK02 lebih menumpukan isu kekeluargaan yang berlaku seperti latar belakang murid dan isu kurangnya pendedahan kelas al-Qur'an di sekitar tempat tinggal murid mereka. PK03 pula lebih cenderung untuk memfokuskan isu yang berlaku di dalam sekolah.

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua dan mencapai objektif kajian yang kedua, pengkaji telah melaksanakan kajian kepustakaan untuk mencari dan mengumpul kaedah pengajaran simulasi lisan frasa Arab yang boleh diamalkan oleh guru bahasa Arab di sekolah khususnya di dalam bilik darjah. Semestinya kaedah pengajaran tersebut menjadi panduan kepada guru bahasa Arab di daerah Telupid yang menghadapi isu simulasi lisan frasa bahasa Arab dalam kalangan

murid mereka. Makalah ini menghuraikan empat kaedah pengajaran seperti persiapan pengajaran guru yang boleh dikongsikan kepada PK03 bagi mengatasi isu persekitaran sekolah. Selain itu, kaedah simulasi audio Arab atau penutur jati Arab juga boleh diaplikasikan oleh para responden bagi mengurangkan isu persekitaran bahasa Arab yang berlaku. Tambahan pula, kaedah sebutan suku kata juga dikemukakan oleh pengkaji sebagai panduan untuk mengatasi isu kesilapan sebutan makhraj huruf seperti yang dikatakan oleh PK02 dalam temu bual beliau. Akhir sekali ialah kaedah pembelajaran rakan sebaya ataupun *peer learning* juga boleh diamalkan oleh guru terutamanya murid-murid PK03 yang sudah mencapai tahap penguasaan tinggi boleh dijadikan sebagai *role-model* di dalam kelas untuk membantu guru membimbing rakan-rakan yang lain.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Abdul Sukur Japri: Bertanggungjawab merangka reka bentuk kajian, menjalankan temu bual bersama responden, serta melakukan transkripsi dan analisis data menggunakan perisian ATLAS.ti. Beliau turut menulis bahagian pengenalan, metodologi, dapatan kajian, dan kesimpulan, selain menyelaras keseluruhan struktur penulisan artikel.

Harun Baharudin: Memberi bimbingan dalam pembangunan kerangka konseptual dan pengukuhan bahagian sorotan literatur serta kaedah analisis. Beliau juga menyemak dan memperkemas artikel daripada aspek akademik dan metodologi, termasuk memperkukuh perbincangan berdasarkan kajian terdahulu dan aplikasi pedagogi bahasa Arab.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1-14.
- Al-Alwan, A. F. (2008). Self-regulated learning in high and low achieving students at al- Hussein bin Talal University (AHU) in Jordan. *International Journal of Applied Educational Studies*, 1(1), 1-13.
- Anuar Sopian. (2016). Tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di UiTM Melaka. *International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*, 3rd March 2016, 14-15.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2), 645-666.
- Azhar Muhammad, Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Ismail Mustari Karjo, Saliha Sackkani & Fauziah Ali. (2012). Kemahiran bertutur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam*, 888-899.
- Azrul Abu Aman & Harun Baharudin. (2019). Amalan pedagogi jurulatih utama bahasa Arab dalam pengajaran kosa kata peringkat sekolah kebangsaan di negeri Melaka [Special issue]. *Global Journal Al-Thaqafah*, 15-27.
- Badrasawi, K. J. I., Abdulateef Solihu, Tunku Badariah Tunku Ahmad. (2020). Second language speaking anxiety among Malaysian postgraduate students at a faculty of education. *International Journal of Education & Literacy Studies*, 8(2), 54-61.

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Bahasa Arab dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tahun 1*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bruce, R.J., & Marsha W. (1986). *Models of teaching*. Prentice-Hall.
- Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim. (2010). Hubungan ramalan persekitaran pembelajaran makmal sains dengan tahap kepuasan pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 19-30.
- Deni Pratama. (2021). Pengaruh bahasa pertama terhadap proses belajar bahasa kedua. *Jurnal Komposisi*, 1, 1-8.
- Fadzliyah Hashim. (2019). Meningkatkan penguasaan pengecaman huruf hijaiyyah melalui aplikasi “MULMED” dalam kalangan murid prasekolah. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan* (ISPEN 2019).
- Faridah Nazir. (2023). Pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid asli suku kaum Temuan ketika pembelajaran bahasa Melayu. *LSP International Journal*, 10(1), 73-90.
- Gamal Zakaria. (2003). *Dari syahadah ke mahabbah*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Horwitz, E., Horwitz, M. B., & Cope, J. (1986). Foreign language classroom anxiety. *The Modern Language Journal*, 70, 125-132.
- Juriah Long, Raminah Hj. Sabran & Sofia Hamid. (1994). *Perkaedahan pengajaran bahasa Malaysia*. Fajar Bakti.
- Kamaruddin Hj. Husin, (1988). *Pedagogi bahasa penkaedahan*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat The, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod. (2009). Language learning strategies and motivation among religious secondary school students. *The International Journal of Language Society and Culture*, 29, 71-79.
- Kamarulzaman Abdul Ghani & Saiful Nizam Sulaiman. (2019). Pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan guru J-QAF sekolah kebangsaan. *O-JIE The Online Journal of Islamic Education*, 7(1), 1-14.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya KPM.
- King, B. M., & Newmann, F. M. (2000). Will teacher learning advance school goals? *Phi Delta Kappan*, 81(8), 576-580.

- Kumar, M. K. (2016). Challenges of implementing student-centered strategies in classrooms. *International Research Journal of Engineering and Technologies (IRJET)*, 3(12), 1224-1227.
- Longview Foundation. (2008). *Teacher preparation for a global age: The imperative for change*. Longview Foundation.
- Luoma, S. (2004). *Assessing speaking*. Cambridge University.
- Lynch, D. J. (2006). Motivational factors, learning strategies and resource management as predictors of course grades. *College Students Journal*, 40(2), 423-428.
- Marilyn, F., & William, D. B. (1996). *Including students with special needs: A practical guide for classroom teachers*. Allyn & Bacon.
- Mohamad Ziyad Mukhtar & Saini Ag. Damit. (2017). Aplikasi Lughat al-Fasl dalam pengajaran bahasa Arab. *MANU*, 26, 153-183.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (2004). Gangguan bunyi Melayu dalam sebutan Arab: Satu analisis ringkas. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 12(2), 101-110.
- Mohd Nasir Mohamed Hasbullah. (2001). Analisis kesilapan sebutan bahasa al-Qur'an di kalangan pelajar sekolah menengah. *Tesis Sarjana*, Universiti Malaya.
- Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Fahed Maromar, Mohamad Rofian Ismail, & Ahmad Rezdaudin Ghazali. (2020). Permasalahan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati: Satu kajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020)*, 102-109.
- Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin. (2022). Analisis kata kunci dalam soalan karangan bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan menggunakan perisian ATLAS.ti 9. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra Dan Budaya*, 1(1), 205–222. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.8>
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisol. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 555-569.
- Noradilah Aziz & Lai Wei Sieng. (2019). Impak pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar di UKM. *Jurnal Personalita Pelajar*, 22(1), 69-75.
- Norfaezah Mohd Hamidin. (2015). Effective technique of teaching and learning Arabic language in the classroom: A case study in selected National Religious Secondary Schools (SMKA) in Selangor. *The International Conference on Language, Literature, Culture and Education*, 113-118.

- Nur Afifah Mohd. Aminuddin Zaki. (2012). *Masalah sebutan bunyi vokal bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di IPTA*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Nurazan, M. (2018). A review on the factors affecting the learning of Arabic macro-skills among Malay undergraduate students. *Humanities and Social Research*, 1(1), 53-59.
- Qassem, F., Sayed, S. A. H., & Sakhi, M. G. (2023). Lesson plan and its importance in teaching process. *International Journal of Current Science Research and Review*, 6(8), 5901-5913.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. (2013). Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(2), 99-116.
- Siti Salwa, Norasyikin Osman & Nurazan Mohmad Rouyan. (2021). Kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan penutur bukan asli bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 59-69.
- Tee Boon Chuan. (2023). Benarkah morfologi bahasa Melayu sedia ada bersifat sekunder? *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2(1), 177–193. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.8>
- Tenny, S., Brannan J. M., Brannan G. D. (2022). *Qualitative study*. StatPearls. <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK470395>
- Yoshida, R. (2008). Learners' perception of corrective feedback in pair work. *Foreign Language Annals*, 41(3), 525-541.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2), 67-82.